



**YB. SOON LIP CHEE**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang  
*Belia Dan Sukan*

---

**KENYATAAN MEDIA YANG BERHORMAT SOON LIP CHEE  
EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG  
PADA 12 MEI 2021**

**KEMASKINI PEMBUKAAN DAN PENUTUPAN SENARAI TAMAN-TAMAN AWAM  
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI NEGERI  
PULAU PINANG**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil maklum bahawa pengumuman oleh Y.A.B. Perdana Menteri berkenaan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara mulai 12 Mei 2021 hingga 7 Jun 2021.

Susulan pengumuman tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa pelaksanaan aktiviti sukan dan rekreasi di negeri Pulau Pinang adalah tertakluk kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Selaras dengan SOP Am Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi (PKP) yang ditetapkan oleh MKN pada 12 Mei 2021, adalah dimaklumkan bahawa status pembukaan atau penutupan taman-taman awam di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Taman Botani, Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) adalah seperti berikut:

**Senarai Taman-Taman Awam yang DIBUKA Sepanjang Tempoh PKP di Negeri Pulau Pinang:**

Berlandaskan pengumuman terkini oleh pihak MKN, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa sebahagian taman-taman awam di bawah seliaan PBT, dan Jabatan Taman Botani adalah **DIBUKA** untuk masyarakat tempatan menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi yang dibenarkan (joging, berbasikal dan senaman sahaja) dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan seperti berikut:

- Taman Bandaraya (Youth Park)
- Taman Metropolitan Relau
- Taman Jajar
- Taman Botani

## **Senarai Taman-Taman Awam yang akan DIBUKA mulai 17 Mei 2021:**

Sebahagian taman-taman awam di bawah PBT seperti berikut adalah ditutup dari 12 Mei 2021 hingga 16 Mei 2021 dan akan dibuka semula mulai 17 Mei 2021:

- Taman Tugu Kota Demokrasi
- Robina Eco Park
- Taman Kimsar, Perai
- Taman Rekreasi Kg Sanglang, Nibong Tebal
- Taman Kejiranan Awam Valdor, Jawi

## **Senarai Taman-Taman Awam yang DITUTUP Sepanjang Tempoh PKP di Negeri Pulau Pinang**

Taman-taman awam di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) adalah **TIDAK DIBENARKAN** pembukaannya dalam tempoh PKP. Taman-taman rekreasi adalah **DITUTUP** dalam tempoh PKP adalah seperti berikut:

- Taman Bandar Ampang Jajar
- Anjung Bagan, Butterworth
- Vision Park
- Taman Pantai
- Upcycle Park, Bandar Perda
- Eko Koridor MBSP, Bandar Perda
- Taman Rekreasi PBAPP Bukit DO
- Taman Bukit Indah, Bukit Mertajam
- Taman Rekreasi Taman Tunku, Seberang Jaya
- Taman Rekreasi Sembilang, Seberang Jaya
- Taman Komuniti, Bandar Perda
- Taman 1 Bayi 1 Pokok, Bandar Perda
- Taman Tekoma, Bandar Perda
- Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian, Nibong Tebal
- Taman Areca, Sungai Pinang 7

Untuk makluman, empangan dan taman-taman di bawah seliaan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) juga adalah **DITUTUP** dari 12 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021. Empangan dan taman-taman tersebut merangkumi Empangan Air Itam, Empangan Teluk Bahang, Empangan Mengkuang, dan Taman Rekreasi Bukit Dumbar.

Merujuk kepada SOP Am Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi (PKP) yang dikeluarkan oleh MKN pada 12 Mei 2021, pengoperasian SEMUA fasiliti / premis sukan dan rekreasi adalah **TIDAK** dibenarkan. Sehubungan dengan itu, segala aktiviti sukan indoor adalah **TIDAK** dibenarkan termasuk pusat gim, pusat badminton dan sebagainya.

Walaubagaimanapun pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mematuhi pengumuman berkenaan SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta SOP Sektor Sukan dan Rekreasi (PKP) yang dikeluarkan oleh MKN dari semasa ke semasa agar masyarakat awam dapat bersukan dalam keadaan yang selamat.

Meskipun kelonggaran telah diberikan terhadap aktiviti sukan dan rekreasi, namun orang awam diingatkan untuk sentiasa mematuhi penjarakan sosial dan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan kebersihan dan keselamatan diri sendiri senantiasa terjamin. Penang Lawan Covid-19!

**SOON LIP CHEE**

**EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG**